

PM gembira pencapaian KDNK

UM 25 MAY 2000

SUBANG 24 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad gembira dengan pencapaian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk suku pertama tahun ini yang berada pada kadar 11.7 peratus.

Beliau yang mengang-

gap pertumbuhan itu baik berkata, pertumbuhan untuk suku pertama tahun ini kurang daripada 12 peratus ekoran peningkatan KDNK daripada jangkakan tahun lalu.

Menurutnya, pada tahun lalu KDNK ialah 5.6 peratus dan bukannya 5.4

peratus seperti yang diumumkan sebelum ini.

“Setelah dikira semula apabila semua angka diperolehi, kita mendapati pertumbuhan tahun lalu ialah 5.6 peratus,” katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian pembangunan Pusat Pameran

dan Konvensyen Pembangunan (NECC) di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas mengenai pengumuman KDNK oleh Bank Negara Malaysia (BNM), hari ini.